

**PRODUCT DISCLOSURE SHEET**

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet together with the general terms and conditions governing the Islamic Estate Planning (IEP) before you decide to take up this product. Please seek clarification from RHB Islamic Bank Berhad if you do not understand any part of this document.)*

**RHB ISLAMIC BANK BERHAD**

200501003283 (680329-V) Incorporated in Malaysia

**ISLAMIC ESTATE PLANNING (IEP)**Date: \_\_\_\_\_  
[to be filled by Relationship Manager]**1. What is this product about?**

RHB Islamic Bank Berhad ("the Bank") together with its strategic alliance partner, As-Salihin Trustee Berhad 200401031859 (670367-D) is providing Islamic Estate Planning (IEP) products and services to its Client ("Testator"). Through the collaboration, the Bank acts as a sales agent for As-Salihin Trustee Berhad.

Islamic Estate Planning (IEP) is an effective arrangement for the management of a person's estate according to Shariah and Civil Law after death. This product offers an individual during his lifetime, to create wills and appoint an administrator of the estate after his death. Will writing is very important to avoid any difficulties in managing the distribution of estate after the death of the deceased.

**2. What is the Shariah concept applicable?**

The Shariah concepts applicable to IEP are:

Shariah contract(s)	Definition
Wakalah	An agency contract whereby the Bank acts as an Agent to facilitate the will writing process.
Fara'id	Faraid is a section of Islamic law that deals with the distribution of the estate of a deceased person among the heirs in accordance with Shariah principles.
Wasiyyah	Wasiyyah is an iqrar or declaration of a person made during his lifetime with respect to his property or benefit thereof, to be carried out for the purpose of charity or for any other purpose permissible by Shariah after his/her death.

**3. What are the advantages do I/we get from this product?**

- i. Expedite the appointment of Wasi (Executor), execution and distribution process (Probate & Sijil Fara'id);
- ii. An allocation and arrangement to pay Testator's debts and financing;
- iii. Arrangement facilitating the right to bequeath away 1/3 of the deceased estate to non-heirs;
- iv. Save time and cost;
- v. Avoid family crisis; and
- vi. Fulfill your wish as Testator and providing comfort that your estate management is taken care of.

**4. Can I/we change the content or cancel the will?**

You can re-write your will's content at any time with prescribed charges (refer to item 9). You are also allowed to cancel your will at any time during your lifetime at no cost

**5. Since Islamic law provides distribution of the inheritance according to Fara'id, why do I need to write a will?**

Fara'id division caters for your heirs only, whereas the will allows a division of 1/3 of the estate to the non-heirs that the Testator wishes to provide for. The will also give an opportunity for Muslims to continue to get reward after his/her death through alms or welfare on the estates or assets provided in the will. At the same time, you as the Testator could appoint a 'Wasi' to manage, take care of the estates, and look after the wellbeing of the underprivileged, disabled and underaged children if you so wish.

**6. What are the properties that cannot be bequeathed?**

- i. All properties/things that are considered prohibited according to Islamic law such as liquor, swine, etc.
- ii. Bequeath to non-Islamic religious places is strictly not allowed.
- iii. Handing down of weapons and prayer statues is not allowed.
- iv. Property not owned by the deceased.
- v. For pledged property, it must be redeemed prior to the disbursement of Faraid.

**7. Can I/we bequeath my estates to a non-heir?**

You can bequeath up to only 1/3 of all your properties to your non-heir. Examples of non-heirs are friends, parents of a different religion, adopted child, welfare bodies etc. Apportionment of estates exceeding more than 1/3 of the overall properties is not allowed unless approval is granted from all valid heirs after the Testator's death.

**8. What are my/our obligations?**

You are to ensure that the estates or assets stated in the will are legally owned by you by showing details and proof of ownership, so that there will be no dispute later on the status of the estates.

**9. What are the fees and charges that I/we have to pay?****Will Documentation Fee (one-off payment):**

- i. Express Package (RM380.00\*)
- ii. Individual Package (RM1,400.00\*)
- iii. Family Package (RM2,400.00\*)

	Individual & Family Package	Express Package
<b>Wasi (Executor)</b>	Testator can nominate a maximum of 4 individual / OR As-Salihin as a MAIN WASI to execute his/her will	Testator can nominate a maximum of 2 individual names only
<b>Guardian of minor children i.e. below 18 years old – (eligible to only legitimate father)</b>	Testator can appoint a maximum of 4 guardian for his minor children or disabled person	Testator can appoint a maximum of 2 guardian for his minor children or disabled person .
<b>Details of the distribution to Faraid Heirs (Residue or Entire Estate)</b>	a) Equally b) Faraid  <b>OPTIONAL</b> Testator can list down asset, beneficiary and apportionment according to ratio  Upon death of the Testator, to execute the distribution (a) or apportionment according to ratio, the consent from the faraid heir must be obtained,	a) Equally b) Faraid
<b>Details of the distribution to Non-Faraid Heirs</b>	Maximum 1/3 distribution to non-heirs i.e. adopted child, mosque, charity organization, wakaf etc.	Maximum 1/3 distribution to non-heirs i.e. adopted child, mosque, charity organization, wakaf etc.
<b>Other Matters</b>	Leave any last wishes of Testator (optional)	N/A
<b>WILL OPERATIONAL PROCEDURE</b>		
<b>Final Will</b>	1 set of Will: Original copy to be kept by As-Salihin and the testator will get the copy (Lifetime Custody) Testator will also receive 2 custody cards with barcodes	1 set of Will <b>ONLY:</b> To be kept by the Testator

Estate Administration Fee (only applicable for Individual & Family Package)

<b>FIRST YEAR</b>		
TOTAL ESTATE	MONOGAMY	POLIGAMY
<b>First RM1 million</b>	1.8% (or minimum RM5,000)	2.0% (or minimum RM5,000)
<b>Above RM 1 million</b>	1%	1.2%
<b>Above RM 10 million</b>	0.5%	0.7%
<b>Above RM 50 million</b>	0.25%	0.25%
<b>SUBSEQUENT YEAR</b>		
TOTAL ESTATE	<b>MONOGAMY &amp; POLIGAMY</b>	
<b>First RM10 million</b>	1% per year	
<b>Above RM 10 million</b>	0.5%	
<b>Above RM 50 million</b>	0.25%	

Note:

- (a) The fee structure is agreed upon the Testator signing the Will document.
  - (b) The fee is charged based on gross estate value at the point of deceased of the Testator
  - (c) Estate Administration fee will be charged upon obtaining Grant of Probate
- (\*Inclusive of service tax and/or any applicable taxes imposed from time to time)

## Will Re-Writing charges:

No.	No. of Amendment	Price (RM)
1	Up to 9	500.00
2	10 – 12	650.00
3	13 – 15	800.00
4	16 – 18	1,000.00
5	19 – 21	1,200.00

Note: Discounts may be given from the original price and for further details, you may refer to our Customer Contact Centre at 03-9206 8118.

**10. What if I/we fail to fulfill my obligations?**

Implication that may arise is the possibility of a conflict that may delay the process of the division of estate.

**11. Do I/we need any Takaful Coverage?**

Not required / Not applicable.

**12. What are the major risks?**

- i. The major risk involved is that there is a possibility that the heirs are not aware of the creation of the will by the Testator. The heirs may have executed the estate distribution process via the normal procedures without knowing the existence of the will. Nevertheless, 2 custody cards showing the existence of the will, will be provided and it is the obligation of the Testator to provide the cards to his/her heirs. (This applies to Individual and Family Package only)
- ii. The heirs may also contest the contents of the will and change the apportionment of the estates with approval from all the heirs. This may delay the process if there are any heirs who object the contents of the will.

**13. What do I/we need to do if there are changes to my/our contact details?**

- i. It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.
- ii. You may inform the Bank such changes via various channels of communication such as the website, branches or Customer Contact Centre at 03-9206 8118 .

**14. Where can I/we get assistance and redress?**

- |   |   |
|---|---|
| <p>a) To increase your awareness and financial literacy, you may refer to the consumer education booklet published in:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="http://www.bankinginfo.com.my/">http://www.bankinginfo.com.my/</a></li> <li>• <a href="http://www.insuranceinfo.com.my/">http://www.insuranceinfo.com.my/</a></li> </ul> <p>b) If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:<br/>RHB Islamic Bank Berhad<br/>RHB Centre, Jalan Tun Razak<br/>50400 Kuala Lumpur<br/>Tel : 03-9206 8118<br/>Fax : 03-9206 8008<br/>Email : <a href="mailto:customer.service@rhbgroup.com">customer.service@rhbgroup.com</a><br/>Website : <a href="http://www.rhbgroup.com">http://www.rhbgroup.com</a></p> | <p>c) If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia<br/>Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur<br/>Tel : 1-300-88-5465<br/>Fax : 03-2174 1515<br/>Email : <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a><br/>Web Form : <a href="https://telelink.bnm.gov.my">https://telelink.bnm.gov.my</a><br/>SMS : 15888</p> <p>d) Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:</p> <p>Address : Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur<br/>Tel : 03-2272 2811<br/>Fax : 03-2272 1577<br/>Email : <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a><br/>Website : <a href="http://www.ofs.org.my">http://www.ofs.org.my</a></p> |
|---|---|

**15. Where can I/ we get further information?**

- |   |  |
|---|--|
| <p>a) Should you require additional information about investment, please refer to the <b>bankinginfo</b> booklet on "Investing Your Money", available at all our branches and the <a href="http://www.bankinginfo.com.my">www.bankinginfo.com.my</a> website.</p> | <p>b) If you have any enquiries, please contact us at:<br/>RHB Islamic Bank Berhad<br/>RHB Centre, Jalan Tun Razak<br/>50400 Kuala Lumpur<br/>Tel : 03-9206 8118<br/>Fax : 03-9206 8008<br/>Email : <a href="mailto:customer.service@rhbgroup.com">customer.service@rhbgroup.com</a><br/>Website : <a href="http://www.rhbgroup.com">http://www.rhbgroup.com</a></p> |
|---|--|

The information provided in this disclosure sheet is valid as of October 2021 onwards

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat-syarat am berkaitan Perancangan Harta Pusaka Islam. Sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini, sila dapatkan penjelasan daripada RHB Islamic Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini.)

**RHB ISLAMIC BANK BERHAD**

200501003283 (680329-V) Diperbadankan di Malaysia

**PERANCANGAN HARTA PUSAKA ISLAM**

Tarikh : \_\_\_\_\_

[Untuk di isi oleh Pengurus Perhubungan]

**1. Apakah produk ini?**

RHB Islamic Bank Berhad (Bank) telah mengadakan kerjasama strategik bersama As-Salihin Trustee Berhad 200401031859 (670367-D) dalam menyediakan produk dan perkhidmatan "Perancangan Harta Pusaka Islam" kepada para Pelanggan ("Pewasiat"). Menerusi kolaborasi tersebut, Bank bertindak sebagai agen jualan bagi pihak As-Salihin Trustee Berhad.

Perancangan Harta Pusaka Islam ialah suatu pengurusan harta pusaka seseorang secara efektif setelah kematiannya berdasarkan undang-undang Syariah dan Sivil. Produk ini menawarkan individu, semasa hayatnya, untuk membuat wasiat dan melantik pentadbir bagi menguruskan harta pusaka selepas kematiannya. Penulisan wasiat amat penting bagi mengelakkan sebarang kesukaran dalam pengurusan harta pusaka pewasiat selepas kematiannya.

**2. Apakah konsep Syariah yang di gunakan?**

Kontrak Syariah	Definisi
Wakalah	Kontrak agensi di mana Bank dilantik oleh Pewasiat sebagai Wakil untuk memudahcarakan urusan penulisan wasiat.
Faraid	Merujuk kepada undang-undang Islam berkaitan dengan pengurusan harta pusaka si mati terhadap waris selaras dengan prinsip Syariah.
Wasiyyah	Merujuk kepada "iqrar" atau deklarasi seseorang yang dibuat semasa hayatnya ke atas harta dan kepentingannya untuk disempurnakan atas sebab kebajikan atau sebab lain yang menurut Syariah selepas dia meninggal dunia.

**3. Apakah kelebihan yang saya/kami dapat daripada produk ini?**

- Mempercepatkan proses pelantikan pentadbir, pelaksanaan dan pembahagian (Probet & Sijil Faraid);
- Peruntukan dan penyusunan untuk membayar hutang-hutang dan pembiayaan yang ditanggung Pewasiat;
- Perancangan bagi memudahkan hak untuk mewariskan 1/3 daripada harta pusaka kepada bukan waris;
- Menjimatkan masa dan kos;
- Mengelakkan krisis keluarga; dan
- Memenuhi hasrat anda sebagai Pewasiat dan memberikan keselesaan bahawa pengurusan harta pusaka anda dijaga.

**4. Bolehkah saya/kami mengubah kandungan atau membatalkan wasiat?**

Anda boleh mengubah kandungan wasiat anda pada bila-bila masa dengan caj yang ditetapkan (sila rujuk item 9). Anda juga dibenarkan untuk membatalkan wasiat anda pada bila-bila masa ketika hayat anda tanpa sebarang kos.

**5. Memandangkan Undang-undang Islam mempunyai pembahagian harta pusaka mengikut Fara'id, mengapakah saya/kami perlu menulis wasiat?**

Pembahagian Fara'id adalah untuk waris-waris anda sahaja sedangkan wasiat membenarkan pembahagian 1/3 daripada harta pusaka kepada bukan waris. Wasiat memberi peluang kepada orang Islam untuk terus mendapat ganjaran Pahala selepas meninggal dunia melalui sedekah atau kebajikan di atas harta-harta yang diwasiatkan. Di samping itu, jika anda berhasrat, anda boleh melantik "Wasi" untuk mentadbir harta pusaka dan menjaga kesejahteraan anak yang kurang bernasib baik, kurang upaya atau di bawah umur.

**6. Apakah harta yang tidak boleh diwasiatkan?**

- Segala harta/benda yang dilarang menurut Islam seperti arak, khinzir dan lain-lain.
- Mewariskan tempat-tempat beribadah bukan Islam sama sekali tidak dibenarkan.
- Mewasiatkan senjata dan patung berhala adalah tidak dibenarkan.
- Harta yang tidak dimiliki oleh si mati.
- Harta yang dicagarkan perlu ditebus terlebih dahulu sebelum boleh dibahagi kepada waris

**7. Bolehkah saya/kami mewasiatkan harta saya/kami kepada bukan waris?**

Anda boleh mewasiatkan sehingga 1/3 daripada semua harta anda kepada bukan waris. Bukan waris merujuk kepada rakan-rakan, ibu bapa kandung yang berlainan agama (bukan Islam), anak angkat, badan-badan kebajikan Islam dan lain-lain. Wasiat yang melebihi daripada 1/3 dari keseluruhan harta adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada semua waris selepas kematian Pewasiat.

**8. Apakah tanggungjawab saya/kami?**

Anda hendaklah memastikan bahawa harta yang disebutkan dalam wasiat itu dimiliki secara sah mengikut undang-undang dengan menunjukkan maklumat dan bukti hak milik bagi mengelakkan sebarang pertikaian berkenaan status harta pusaka tersebut di kemudian hari.

**9. Apakah fi dan caj yang perlu saya/kami bayar?**

Fi Dokumentasi Wasiat (pembayaran sekali sahaja):

- i. Pakej Ekspres (RM380.00\*)
- ii. Pakej Individu (RM1,400.00\*)
- iii. Pakej Keluarga (RM2,400.00\*)

	<b>Pakej Individual &amp; Keluarga</b>	<b>Pakej Ekspres</b>
<b>Wasi (Pentadbir)</b>	Pewasiat boleh melantik maksimum 4 orang Individu / ATAU As-Salihin sebagai Wasi UTAMA untuk melaksanakan wasiatnya	Pewasiat boleh melantik maksimum 2 orang individu sahaja
<b>Penjaga Harta bagi anak di bawah umur 18 tahun – (layak untuk bapa yang sah sahaja)</b>	Pewasiat boleh melantik maksimum 4 orang penjaga harta bagi anak-anak dibawah umur atau kurang upaya.	Pewasiat boleh melantik maksimum 2 orang penjaga harta bagi anak-anak dibawah umur atau kurang upaya
<b>Butiran pengagihan kepada Ahli Waris Faraid (Baki harta atau Harta Keseluruhan)</b>	a) sama rata b) Faraid  <b><u>PILIHAN</u></b> Pewasiat boleh menyenaraikan aset, penerima harta dan pembahagian mengikut nisbah  Selepas kematian pewasiat, pelaksanaan pembahagian (a) atau berdasarkan nisbah tertentu mestilah mendapat persetujuan semua waris Faraid	a) sama rata b) Faraid
<b>Butiran pengagihan kepada bukan Waris Faraid</b>	Pengagihan 1/3 maksimum kepada bukan waris Faraid i.e. anak angkat, masjid, organisasi amal, wakaf dll.	Pengagihan 1/3 maksimum kepada bukan waris Faraid i.e. anak angkat, masjid, organisasi amal, wakaf dll.
<b>Lain-lain perkara</b>	Menyampaikan pesanan terakhir Pewasiat (pilihan)	N/A
<b>PROSEDUR OPERASI WASIAT</b>		
<b>Wasiat Terakhir</b>	1 set Wasiat: Wasiat asal disimpan oleh As-Salihin (Sepanjang Hayat) dan pewasiat akan diberikan satu salinan wasiat  *Pewasiat juga akan menerima 2 kad jagaan yang mempunyai kod bar.	1 set Wasiat <b><u>SAHAJA</u></b> - disimpan oleh Pewasiat

Fi Pentadbiran Harta Pusaka (hanya untuk Pakej Individu & Keluarga)

<b>TAHUN PERTAMA</b>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN HARTA PUSAKA</b>	<b>MONOGAMI</b>	<b>POLIGAMI</b>
<b>RM 1 juta yang pertama</b>	1.8% (atau minimum RM5,000)	2.0% (atau minimum RM5,000)

Melebihi RM 1 juta	1%	1.2%
Melebihi RM 10 juta	0.5%	0.7%
Melebihi RM 50 juta	0.25%	0.25%
<b>TAHUN SETERUSNYA</b>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN HARTA PUSAKA</b>	<b>MONOGAMI &amp; POLIGAMI</b>	
RM 10 juta yang pertama	1% setahun	
Melebihi RM 10 juta	0.5%	
Melebihi RM 50 juta	0.25%	

Nota:

- Struktur yuran dipersetujui apabila Pewasiat menandatangani dokumen Wasiat
  - Bayaran tersebut dikenakan berdasarkan nilai harta tanah kasar pada saat kematian Pewasiat.
  - Bayaran Pentadbiran Estet akan mula dikenakan setelah memperolehi *Grant of Probate*
- (\*Termasuk cukai perkhidmatan dan atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa)

Caj Menulis semula Wasiat:

No	Bilangan perubahan	Harga (RM)
1	1 –9	500.00
2	10 – 12	650.00
3	13 – 15	800.00
4	16 – 18	1,000.00
5	19 – 21	1,200.00

Nota: Potongan harga boleh diberikan dari harga sebenar dan untuk keterangan lebih lanjut, anda boleh merujuk ke Pusat Perhubungan Pelanggan kami di 03-9206 8118.

**10. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan-kewajipan saya?**

Implikasi yang mungkin berlaku adalah ada kemungkinan terdapat pertikaian yang mungkin melambatkan proses pembahagian harta tersebut.

**11. Adakah saya/kami perlu mengambil perlindungan Takaful?**

Tidak diperlukan / Tidak berkenaan.

**12. Apakah risiko-risiko utama?**

- Risiko utama di mana waris-waris tidak menyedari tentang kewujudan wasiat yang telah ditulis oleh Pewasiat. Waris-waris mungkin melaksanakan proses pengagihan harta melalui prosedur-prosedur normal tanpa mengetahui kewujudan wasiat tersebut. Walau bagaimanapun, 2 kad jagaan yang menunjukkan kewujudan wasiat akan disediakan dan adalah merupakan kewajipan Pewasiat menyerahkan kad-kad tersebut untuk waris-warisnya. (Hanya terpakai bagi Pakej Individu dan Keluarga sahaja)
- Waris-waris mungkin juga mempertikaikan kandungan wasiat dan mengubah pembahagian harta pusaka dengan persetujuan semua waris. Ini mungkin melambatkan proses jika terdapat mana-mana waris yang membantah perubahan isi kandungan wasiat tersebut.

**13. Apakah yang perlu saya/kami lakukan jika ada perubahan pada maklumat untuk dihubungi?**

- Adalah penting untuk anda maklumkan kepada Bank mengenai sebarang perubahan pada maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat menyurat tepat pada masanya.
- Anda boleh memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang perubahan menerusi pelbagai saluran komunikasi seperti laman web, cawangan Bank atau Pusat Hubungan Pelanggan di 03-9206 8118.

**14. Di manakah saya/kami boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- |  |  |
|--|--|
| <p>a) Bagi meningkatkan tahap kesedaran dan celik kewangan, anda boleh merujuk kepada buku panduan pendidikan pengguna yang diterbitkan di:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><a href="http://www.bankinginfo.com.my/">http://www.bankinginfo.com.my/</a></li> <li><a href="http://www.insuranceinfo.com.my/">http://www.insuranceinfo.com.my/</a></li> </ul> | <p>c) Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia<br/>                 Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur<br/>                 Tel : 1-300-88-5465<br/>                 Fax : 03-2174 1515<br/>                 E-mel : <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a><br/>                 Borang Web : <a href="https://telelink.bnm.gov.my">https://telelink.bnm.gov.my</a><br/>                 SMS : 15888</p> |
|--|--|

<p>b) Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, Pelanggan boleh menghubungi kami di:                  RHB Islamic Bank Berhad                  RHB Centre, Jalan Tun Razak                  50400 Kuala Lumpur                  Tel : 03-9206 8118                  Fax : 03-9206 8008                  E-mel : customer.service@rhbgroup.com                  Laman Web : http://www.rhbgroup.com</p>	<p>d) Ombudsman for Financial Services (OFS)                  (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:                  Alamat : Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur                  Tel : 03-2272 2811                  Fax : 03-2272 1577                  E-mel : enquiry@ofs.org.my                  Laman Web : http://www.ofs.org.my</p>
<p><b>15. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b></p>	
<p>a) Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk pelaburan kami, sila rujuk buku <b>bankinginfo</b> berkenaan 'Melabur Wang Anda', yang boleh didapati di semua cawangan Bank dan laman sesawang <a href="http://www.bankinginfo.com.my">www.bankinginfo.com.my</a></p>	<p>b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:                  RHB Islamic Bank Berhad                  RHB Centre, Jalan Tun Razak                  50400 Kuala Lumpur                  Tel : 03-9206 8118                  Fax : 03-9206 8008                  E-mel : customer.service@rhbgroup.com                  Laman Web : http://www.rhbgroup.com</p>

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah mulai Oktober 2021.